

**[RELIGIOUS FACTOR AS THE MAIN MISSION FOR PORTUGUESE ADVENT
TO THE EAST ACCORDING TO *THE COMMENTARIES OF THE GREAT
AFONSO D'ALBUQUERQUE SECOND VICEROY OF INDIA*]**

**FAKTOR AGAMA SEBAGAI MISI UTAMA KEDATANGAN PORTUGIS KE
TIMUR BERDASARKAN *THE COMMENTARIES OF THE GREAT
AFONSO D'ALBUQUERQUE SECOND VICEROY OF INDIA***

Muhammad Khairil Haizad Kamal
p103811@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)
Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Izziah Suryani Md Resad @ Arshad
izziah@ukm.edu.my
Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

Kebanyakan sarjana sejarah merumuskan kedatangan Portugis ke Timur didorong oleh tiga faktor iaitu agama, politik dan ekonomi yang diinspirasikan daripada konsep tiga G iaitu 'Gospel, Gold and Glory'. Namun, faktor politik dan ekonomi sering dianggap sebagai faktor utama kedatangan penjajah Portugis ke Timur berbanding faktor agama. Objektif kajian ini untuk membuktikan faktor agama sebagai misi utama kedatangan Portugis ke Timur berdasarkan sentimen agama yang wujud dalam buku '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*'. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode kajian sejarah. Hasil kajian mendapati faktor kedatangan Portugis ke Timur adalah disebabkan oleh faktor politik, ekonomi dan agama. Akan tetapi, setiap faktor politik dan ekonomi bergerak seiring dengan faktor agama. Buku '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*' mengukuhkan lagi hasil penelitian pengkaji kerana ia mendedahkan sentimen agama dalam misi Portugis di Timur. Tambahan pula, ia ditulis sendiri oleh anak Afonso de Albuquerque iaitu Bras de Albuquerque yang menggunakan catatan Afonso de Albuquerque kepada King Manuel I semasa beliau keluar berlayar.

Kata kunci: Portugis, Afonso D'Albuquerque

Abstract

Most historians conclude that the arrival of the Portuguese to the East was driven by three factors such as religion, politics, and economy, inspired by the concept of the three G 'Gospel, Gold and Glory'. However, political, and economic factors are often considered to be the main factors in the arrival of Portuguese colonists to the East rather than religious factors. The objective of this study is to prove the religious factor as the main mission of the Portuguese arrival to the East based on the religious sentiments that exist in the book '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*'. The methodology of this study is qualitative by using historical research methods. The results of the study found that the Portuguese arrival to the East was caused by political, economic, and religious factors. However, every political and economic factor moves in tandem with the religious factor. The book '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*' strengthens the results of the research because it reveals religious sentiments in the Portuguese mission in the East. Furthermore, it was written by Afonso de Albuquerque's son Bras de Albuquerque who used Afonso de Albuquerque's notes to King Manuel I while he was out sailing.

Keyword: Portuguese, Afonso Dalboquerque

Article Received:
11 November 2021

Article Reviewed:
9 December 2021

Article Published:
31 December 2022

PENGENALAN

Islam sudah lama bertapak dan membina ketamadunan di wilayah Timur. Penyebaran agama Islam di wilayah Timur bermula sejak abad ke-7M semasa panglima perang Bani Umayyah iaitu Muhallab ibn Abu Sufrah menyebarkan dakwah Islamiyyah di wilayah Sindh (Ismail, 2000, hlm. 52). Keadaan yang sama turut berlaku di wilayah Asia Tenggara iaitu Islam sudah bertapak seawal abad ke-14M. Faktor agama adalah misi utama kedatangan Portugis ke Timur. Menurut Maruwiah (2004, hlm. 80), misi agama kurang ditonjolkan oleh sejarawan sedangkan banyak bukti yang menjadi tunjang utama penjajahan mereka ke atas wilayah-wilayah di Timur adalah untuk menyebarkan agama Kristian. Sebagai contoh Za'ba (1961) *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* dan Lofti Ismail (1983) *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Selain itu, Hall (1987) *Sejarah Asia Tenggara* juga menulis berkaitan kedatangan Barat ke Asia Tenggara namun tidak secara mendalam dan meluas mengetengahkan faktor agama sebagai misi utama Portugis ke Timur. Misi tersebut terdiri daripada beberapa pecahan seperti ingin menyebarkan agama Kristian dan meneruskan misi Perang Salib. Akan tetapi, bukti yang paling kukuh dalam menyatakan faktor agama sebagai faktor paling utama misi Portugis ke Timur adalah buku '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*'. Penulis memilih buku ini adalah disebabkan terdapat banyak sentimen agama yang digunakan sepanjang perjalanan Portugis ke Timur. *Commentaries* adalah sebuah wacana yang ditulis oleh anak Afonso de Albuquerque iaitu Bras de Albuquerque. Ia merupakan lembaran surat-surat yang diambil tulen dari tulisan Afonso de Albuquerque kepada ketua-ketua di India dan Lisbon ketika beliau ditugaskan untuk menguasai Timur. Buku tersebut sangat penting kerana ia memaparkan secara jelas faktor utama kedatangan orang Portugis ke Timur adalah disebabkan agama. Sentimen agama dan perbuatan orang Portugis yang ditonjolkan menerusi penceritaan tulisan surat oleh Afonso de Albuquerque kepada Raja Portugal memperkukuhkan lagi pendapat ini.

MISI AGAMA PORTUGIS KE TIMUR

Menyebarkan Agama Kristian

Tujuan penjajahan Portugis ke atas Asia Tenggara disebabkan faktor agama. Orang Portugis menjajah beberapa wilayah di Asia Tenggara dan menukar agama penduduk tempatan kepada agama Kristian. Hal ini dapat dilihat dengan jelas semasa penjajahan Portugis ke atas wilayah-wilayah tersebut. Ekonomi dan perdagangan yang dikuasai mereka sepanjang menjajah tidaklah begitu baik kerana fokus utama mereka adalah untuk menyebarkan agama Kristian. Richard Allen (1968) menyatakan kedatangan Portugis ke suatu wilayah bertujuan untuk mempengaruhi penduduk setempat menerima agama Kristian. Pendapat ini turut disokong oleh John Bastin dan Harry Banda (1977, hlm. 22). Afonso de Albuquerque mempunyai impian untuk mewujudkan satu komuniti kecil Franciscan di Timur. Sebagai contoh, pada Oktober 1507M, beliau membawa seramai 500 angkatan tentera yang merangkumi tujuh buah kapal untuk menyerang Hormuz. Sesampai di Hormuz, beliau menuntut agar pemerintah mengisytiharkan wilayah mereka berada di bawah naungan Raja Portugal. Mereka turut digesa untuk membayar

ufti dan memperuntukkan tapak untuk dibina kubu kepada orang Portugis (Villiers, 1995, hlm. 89).

Kemenangan kuasa Portugis di Melaka turut dikaitkan dengan faktor agama. Kota Melaka bukan sahaja dijadikan pusat pentadbiran dan ketenteraan Portugis yang baru di sebelah Timur, tetapi yang lebih penting ianya dijadikan sebagai pusat gerakan Kristianisasi dan penyebaran agama Kristian yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu (Ismail, 1998). Kedatangan Afonso de Albuquerque bersama-sama tentera Portugis ke Melaka turut membawa lapan orang guru agama Kristian Katolik iaitu Fr. Domingos de Souza (*General Confessor of the Fleet*), Fr. Alvaro Mergulhao (*Private Chaplain of Afonso de Albuquerque*) dan selebihnya terdiri daripada kumpulan Franciscan. Tugas-tugas mereka ialah menjaga gereja yang didirikan oleh Afonso de Albuquerque dan mentadbir hal ehwal tentera Portugis yang tinggal di Melaka semasa ketiadaan Afonso de Albuquerque yang berlayar ke Goa pada 1 Disember 1511M (Lee, 1963, hlm. 35). Kemenangan Portugis menakluk Kota Melaka disambut dengan meriah di Portugal sebagai satu kemenangan mengalahkan kuasa Islam di Timur (Thomas, 1978, hlm. 31). Selain itu, kedatangan Fr. Alfonso Martinez ke Melaka disebabkan permintaan Gabenor Portugis di Melaka dari Raja Portugal menjadi bukti yang kukuh kedatangan Portugis ke Timur untuk menyebarkan agama Kristian. Beliau berkhidmat sebagai paderi di gereja *Annunciation* selama 30 tahun dan juga dilantik sebagai *'the first parish priest of Malacca'*, anggota gereja Roman Katolik dari kumpulan *Franciscan* (Lee, 1963, hlm. 35 & 36).

Motif kedatangan Portugis ke Timur untuk menyebarkan agama Kristian dapat dibuktikan lagi dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh paderi besar Portugis iaitu St. Francis Xavier dalam mengembangkan agama Kristian di wilayah Timur. Nama sebenar beliau adalah Francisco de Jaso y Azpilicueta dan dilahirkan pada 7 April 1506M di Navarre, Sepanyol. Beliau merupakan salah seorang dari tujuh kalangan pengasas tarikat Jesuits di Montmarte, Perancis (Attwater, 1965). Beliau adalah mubaligh Kristian yang merintis misi menyebarkan agama Kristian di Asia terutamanya wilayah-wilayah yang berada di bawah kekuasaan Portugis. Pada 1545M, buat kali pertamanya beliau datang melawat ke Melaka dan menjadikan kota tersebut sebagai pusat keagamaan Kristian di Timur. Walaupun tempoh keberadaan beliau di Melaka agak singkat iaitu selama lebih kurang dua tahun, namun beliau berjaya mengembangkan agama Kristian di Melaka. Pada tahun 1856M, sebuah Gereja St. Francis Xavier dibina di bandar Melaka. Pada April 1880M sebuah sekolah St. Francis Xavier ditubuhkan oleh Rev. Fr. Deloutte atas permintaan para jemaah Gereja St. Francis. Bangunan-bangunan yang dibina oleh orang Portugis adalah asas pertama dalam menyediakan tapak yang kukuh bagi pertumbuhan dan perkembangan misi gereja Katolik di masa akan datang. Selain itu, beliau membina sebuah sekolah Portugis pertama yang dinamakan St. Paul College untuk orang-orang Portugis yang beragama Kristian-Katolik serta penduduk tempatan yang memeluk agama tersebut (Canadian Catholic InChiridion. 2002).

Penerusan Perang Salib

Bernard H. M. Vlekke (1967) berpendapat semangat penerusan Perang Salib merupakan faktor kedatangan Portugis ke Asia Tenggara. Sejarah peperangan di antara orang Islam dan orang Kristian berlaku sejak berabad lagi. Apabila mereka berjaya memenangi peperangan dan mengusir orang Islam dari tanah air mereka, orang Kristian berusaha sedaya upaya untuk menakluk wilayah Islam di Afrika Utara. Namun mereka menerima tentangan yang hebat dari masyarakat Islam di sana. Disebabkan itu, mereka mencipta satu strategi baru dengan menyerang kuasa Islam dari belakang dan berlayar ke kawasan Afrika Selatan.

Selain itu, Panikkar (1959) menyatakan penduduk Semenanjung Iberia seperti Castile, Aragon dan Portugal menganggap Islam sebagai satu ancaman yang

menggerunkan, malahan setiap langkah yang dilakukan oleh orang Islam wajib diawasi. Bagi orang Portugal dan Sepanyol, memerangi orang Islam adalah satu kegiatan yang sangat penting yang tergolong sebagai satu tanggungjawab agama dan negara. Islam merupakan musuh yang wajib ditentang walau di mana sahaja mereka berada. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan rancangan yang dilakukan oleh Prince Henry the Navigator sejak tahun 1417M iaitu strategi besar-besaran untuk meruntuhkan kekuasaan Islam dan membawa Kerajaan Kristian terus ke Lautan Hindi (Panikkar, 1959, 24 & 25).

Pelayaran yang dilakukan oleh orang Portugis membawa mereka ke tempat yang lebih jauh dari tempat yang hendak dituju. Ke mana sahaja mereka pergi, mereka akan berjumpa dengan orang Islam. Mereka menganggap semua orang Islam adalah Moors yang wajib diperangi dan dimusuhi. Setelah orang Portugis gagal menewaskan orang Islam yang berada di bawah kekuasaan Kerajaan 'Uthmaniyyah di kawasan Laut Mediterranean, Portugis ingin menjadikan Timur sebagai kawasan taklukan mereka. Peperangan yang berlaku di antara pihak Portugis dan orang Islam di Timur jelas dikategorikan termasuk dalam motif agama kerana Portugis ditentang oleh tiga kuasa Islam di gugusan kepulauan Melayu iaitu Kesultanan Aceh di utara Sumatera, Kesultanan Demak di Jawa Timur dan Kesultanan Ternate di Maluku (Vlekke, 1967, hlm. 90).

Dendam orang Kristian terhadap orang Islam dapat dilihat melalui niat Afonso de Albuquerque untuk menguasai Asia melalui penghapusan orang Islam. Menurut Villiers (1995), Afonso de Albuquerque bersama Dom Joao dipilih untuk berkhidmat kepada Raja Portugal dalam misi ke Maghribi dan Castilia. Beliau tinggal di Maghribi selama sepuluh tahun sebagai pegawai pemerintah garison di Anafe. Di sana beliau dilatih menjadi tentera sehingga mewujudkan rasa kebencian yang mendalam terhadap Islam. Di Maghribi, beliau turut mempelajari kaedah peperangan seperti cara menghancurkan bandar, membunuh, menyeksa dan mencacatkan penduduk dengan cara yang kejam. Mereka dibesarkan dengan sifat kebencian terhadap Islam yang dizahirkan dengan cara memerangi orang Islam. Motif kempen ketenteraan Afonso de Albuquerque dalam menguasai Asia adalah untuk menghapuskan Islam walau di mana jua ditemui, perkara ini sejajar dengan azam beliau untuk berkhidmat kepada raja dengan meletakkan asas empayar dan mendapatkan sebahagian kemewahan harta di India (Villiers & Earls, 1995, hlm. 13 & 14).

Selain itu, kebencian Afonso de Albuquerque terhadap orang Islam boleh di lihat melalui penaklukan ke atas Goa. Penduduk Goa yang beragama Hindu yang pernah dirampas tanah mereka oleh orang Turki turut membantu Afonso de Albuquerque untuk membunuh orang Islam yang cuba melarikan diri. Afonso de Albuquerque mengarahkan sebilangan orang Islam dan orang Kristian yang murtad dibakar hidup-hidup (Villiers, 1995, 31 & 32). Dalam usaha menjayakan misi menghapuskan orang Islam, Afonso de Albuquerque percaya kerajaan Portugal dan kerajaan Prester John perlu bergabung. Afonso de Albuquerque amat menyokong usaha untuk menggabungkan kerajaan Kristian Portugis dan Ethiopia atas tujuan tertentu seperti ingin menggunakan pelabuhan di Massawa (Laut Merah) sebagai pangkalan mencero boh Kerajaan Mamluk, menawan Madinah dan membawa jasad Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan sebagai tebusan kepada tempat-tempat suci di Jerusalem. Kegiatan Afonso de Albuquerque di pantai Arab dan Afrika Timur mencetuskan semula keinginan Kerajaan Portugis bergabung dengan kerajaan Prester John yang sudah tidak lagi digerakkan semenjak kehilangan Pero de Covilha dan Afonso de Paiva. Mereka berdua merupakan salah seorang wakil Portugis yang ditugaskan untuk misi ke Timur mencari Prester John. Namun mereka dikhabarkan hilang pada tahun 1497M (Villiers, 1995).

Apabila Afonso de Albuquerque dan pengikutnya sampai ke kawasan pedalaman pantai Afrika Timur pada 1506M, beliau memilih dua orang bawahannya yang bernama Joao Gomes dan Joao Sanches untuk pergi mencari Prester John. Ditemani bersama-sama mereka seorang pemandu arah yang beragama Islam berbangsa Tunisia bernama

Sidi Mohammed. Mereka berdua telah sampai ke kawasan pemerintahan orang Kristian iaitu Permaisuri Eleni dan mendapati dua wakil Portugis yang ditugaskan untuk mencari Prester John di Timur memang pernah sampai ke istana Ethiopia. Perkara tersebut disokong oleh kandungan surat yang ditulis Permaisuri Eleni kepada King Manuel (Silverberg, 1972, hlm. 211 & 212).

Pembuka bicara dari surat tersebut terdiri dari alu-aluan yang hormat kepada King Manuel, "Peronda di Laut, Penakluk dan Penindas Orang Kafir Serta Penganut Orang Bukan Islam", diikuti dengan maklumat bahawa Permaisuri Eleni akan menghantar seorang duta bernama Matthew,

Atas perintah untuk ke salah satu pelabuhan di India bagi memberitahu Tunku tentang tawaran kami untuk membekalkan keperluan serta tenaga manusia sebanyak pasiran di lautan. Dengan cara ini orang Islam dapat dihapuskan dari muka Bumi iaitu oleh kami dari darat dan Tuanku dari laut.

Matthew membawa bersama-samanya True Cross yang didapati dari Jerusalem dan diberi kepada baginda Permaisuri. Beliau cuba berkali-kali untuk sampai ke Goa, akhirnya pada 1512M beliau sampai di sana dan pada ketika itu Afonso de Albuquerque sedang merancang serangan lain terhadap Aden. Kebencian Afonso de Albuquerque terhadap orang Islam boleh juga dilihat melalui surat yang dihantar kepada King Manuel, "Semoga ini menjadi titik permulaan kemusnahan Kota Makkah" (Villiers, 1995, hlm. 27 & 28).

SENTIMEN AGAMA BANGSA PORTUGIS MENURUT BUKU 'THE COMMENTARIES OF THE GREAT AFONSO DALBOQUERQUE SECOND VICEROY INDIA'

Sentimen Agama dalam Catatan Penaklukan Goa 1510M

Dalam buku *'The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India'* jilid ketiga, sentimen agama dapat dikesan dengan begitu jelas ketika penaklukan Portugis ke atas Goa pada November 1510M. Afonso de Albuquerque mengeluarkan arahan kepada pasukan tenteranya agar membunuh kesemua orang Islam yang dijumpai walau di mana sahaja tanpa menunjukkan sebarang bentuk belas kasihan tidak kira lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak. Azam beliau agar tidak ada seorang pun benih dari orang Islam boleh dijumpai di seluruh kawasan pulau tersebut. Alasan yang digunakan oleh orang Portugis untuk menghalalkan perbuatan mereka ini dikira sebagai tidak munasabah sama sekali kerana ia dianggap tidak adil kerana orang Islam sudah lama tinggal menetap di Goa. Sentimen agama jelas terpapar melalui arahan yang dikemukakan oleh Afonso de Albuquerque terhadap tenteranya yang kelihatan sangat benci dan dendam terhadap orang Islam (Birch, 1774, hlm. 16),

And after the city had been pillaged Afonso de Albuquerque told the captains to reconnoiter the whole of the island and to put to the sword all the Moors, men, women, and children, that should be found, and to give no quarter to any of them; for his determination was to leave no seed of this race throughout the whole of the island.

Sekiranya benar kedatangan mereka ke Goa hanyalah untuk menjalankan kegiatan ekonomi, maka mereka seharusnya menghormati segala jenis undang-undang yang dikemukakan oleh pihak pemerintah dan tidak masuk campur dengan perkara

berkaitan pentadbiran, akan tetapi perkara sebaliknya yang berlaku. Oleh itu, jelas kehadiran mereka di Goa hanyalah untuk menghapuskan kekuasaan orang Islam. Perbuatan kejam tersebut dilakukan berterusan selama empat hari berturut-turut dan anggaran terhadap kematian orang Islam yang terdiri daripada lelaki, perempuan dan kanak-kanak melebihi angka 6,000 orang berdasarkan buku tersebut (Birch, 1774, hlm. 16), *“And for four days continuously they poured out the blood of the Moors who were found therein; and it was ascertained that of men, women, and children, the number exceeded six thousand.”*

Orang Kristian maklum bahawa mereka tidak akan dapat mengalahkan orang Islam secara total sekiranya mereka hanya bergerak dengan sendiri. Perkara tersebut disebabkan kerana orang Islam mempunyai kekuatan yang kuat bukan sahaja dari segi fizikal perang namun kekuatan jihad yang tinggi. Disebabkan itu, mereka menjalinkan hubungan yang baik bersama musuh Islam yang lain iaitu orang Hindu di Goa bagi menjayakan misi penghapusan orang Islam di wilayah tersebut. Orang Hindu bertindak menangkap orang Islam yang dijumpai agar mereka tidak dapat meloloskan diri dari kekejaman yang bakal dilakukan oleh orang Portugis. Sejurus sahaja orang Hindu mendengar berita kejatuhan Goa, mereka bergegas turun ke kawasan terbabit bagi membantu tentera Portugis untuk membunuh orang Islam dan bangsa Turki.

Orang Hindu telah lama menyimpan dendam terhadap orang Islam lebih-lebih lagi dendam terhadap orang Turki kerana mereka pernah dihalang oleh orang Turki dari tinggal di tanah milik mereka. Disebabkan perkara tersebut, mereka bertindak membunuh pegawai-pegawai kerajaan Hidalcão yang berbangsa Turki, yang terdiri dari bendahari dan pegawai yang membayar gaji, kemudian mereka merampas kesemua wang yang terdapat pada pegawai-pegawai kerajaan tersebut. Hidalcão atau Yusuf Adil Shah (1511M) adalah pemerintah yang memerintah Goa semasa penaklukan orang Portugis ke atas kota tersebut. Kekejaman orang Portugis terhadap orang Islam jelas terpapar apabila Afonso de Albuquerque memerintahkan agar orang Islam yang berjaya ditangkap oleh orang Hindu dan orang Kristian yang membelot untuk dimasukkan ke dalam masjid seterusnya dibakar hidup-hidup (Birch, 1774, hlm. 17),

And Afonso de Albuquerque ordered that a certain mosque should be filled with some Moors whom the Hindoos had taken prisoners, and then set on fire, and in this body of people was renegade Christian who deserted to the Hidalcão when Goa was taken for the first time.

Selain itu, kebencian orang Portugis terhadap orang Islam jelas terpampang setelah Afonso de Albuquerque mengarahkan agar kesemua makam milik orang Islam dirobohkan supaya kerja-kerja untuk membina sebuah kubu pertahanan milik orang Kristian dapat dijalankan. Perbuatan yang dilakukan oleh Afonso ini memaparkan satu bentuk kehinaan terhadap orang Islam apabila beliau sewenang-wenangnya memilih untuk menggunakan batu-bata dari makam milik orang Islam berbanding merobohkan binaan yang ada di sekitar kawasan tersebut. Kehinaan yang ditonjolkan ini jelas menunjukkan dengan jelas kebencian beliau terhadap Islam dan membuktikan sentimen agama memainkan peranan yang penting kedatangan mereka ke Goa (Birch, 1774, hlm. 17), *“Afonso de Albuquerque turned ordered that a great quantity of cement should be prepared, and all the sepulchers of the Moors thrown down, in order to obtain plenty of stone for the works.”*

Ketika tentera Portugis sedang sibuk merobohkan makam-makam milik orang Islam, salah seorang dari mereka menjumpai satu salib yang diselaputi dengan tembaga. Mereka percaya penaklukan ke atas Goa adalah satu mesej yang dikirim oleh Tuhan mereka dari syurga kerana mengikut rekod semasa, tidak ada seorang pun orang Kristian yang pernah sampai ke Goa. Selain itu, mereka juga percaya bahawa raja Portugal lebih layak memerintah Goa berbanding Hidalcão dan masjid-masjid di Goa sepatutnya diubah

menjadi tempat ibadah orang Kristian. Hal ini dengan jelas menampakkan sentimen agama yang digunakan oleh orang Portugis bagi menghalalkan perbuatan merampas negeri-negeri milik orang Islam atas faktor agama Kristian (Birch, 1774, hlm. 18),

our Lord had sent down that sign from Heaven, in order to shew that it was his will that the kingdom should belong to the King of Portugal and not to the Hidalcão, and their mosques should become houses of prayer, wherein his name should be worshipped.

Sentimen Agama dalam Catatan Penaklukan Melaka 1511M

Menurut Geraldo Affonso Muzzi (2011), berita mengenai kegemilangan kota Melaka dan kedudukannya yang strategik sudah diketahui oleh King Manuel sejak dari tahun 1505M. Malahan niat untuk menguasai kota tersebut telah bermula semasa orang Portugis sampai ke India lagi. Kedatangan orang Kristian secara rasmi ke Melaka dicatatkan pada tahun 1509M apabila satu misi yang diketuai oleh Diego Lopez de Sequiera dihantar ke sana (Muzzi, 2011, hlm. 30). Namun misi tersebut menemui kegagalan dan tentera Portugis telah ditangkap disebabkan Bendahara Melaka telah mengetahui niat sebenar kedatangan mereka ke Melaka bukanlah untuk berdagang, akan tetapi untuk menguasai kota tersebut. Disebabkan kejadian itu, tentera Portugis telah menyimpan dendam dan berhasrat untuk membalasnya.

Ketika Ruy de Araujo menjadi tawanan di Melaka, beliau secara senyap telah menghantar surat kepada Afonso de Albuquerque. Isi surat yang ditulis oleh Ruy de Araujo dianggap sangat penting kerana ia menunjukkan kebencian Portugis terhadap orang Islam dan usaha mereka untuk menyebarkan agama Kristian di Melaka. Beliau memaklumkan kepada Afonso de Albuquerque tentang kekuatan bandar Melaka dari segi tenaga tenteranya yang begitu kuat dan kemajuan perniagaan bandar tersebut. Selain itu, beliau mengkhabarkan terdapat 19 orang Portugis yang masih lagi hidup dan mereka dilayan dengan teruk serta dipaksa oleh Bendahara Melaka untuk memeluk agama Islam. Perkara ini dengan jelas menunjukkan sentimen agama dimainkan oleh Ruy de Araujo dalam memujuk Afonso de Albuquerque untuk datang ke Melaka seterusnya menawan kota tersebut dari kekuasaan orang Islam (Birch, 1774, hlm. 46),

he wrote that he would have Afonso de Albuquerque to know there were nineteen Portuguese alive, and the Bendarā had tried had tried many times to force them to turn Moors, and did many cruel things to them on this account, and behaved very cruelly to them on this account.

Ketika angkatan tentera Afonso de Albuquerque sampai di Pedir (yang terletak di pantai timur Sumatera), mereka bertemu dengan João Viegas dan lapan orang Kristian yang merupakan rakan tahanan Ruy de Araujo yang berjaya melarikan diri dari tahanan Kerajaan Melaka. João Viegas telah menyemarakkan lagi sentimen agama di antara orang Kristian dan orang Islam dengan menceritakan secara panjang lebar mengenai perbuatan yang dilakukan oleh Sultan Melaka terhadap mereka seperti memaksa orang Portugis untuk memeluk agama Islam, diikat kaki dan tangan, disunatkan kemaluan mereka dan yang paling ketara adalah diseksa kerana enggan menyangkal keimanan mereka terhadap Jesus Christ. João Viegas cuba membangkitkan semangat permusuhan di antara orang Kristian agar membenci penguasa Islam. Beliau juga cuba mengapi-apikan dua kerajaan Islam Nusantara di antara Kesultanan Pasai dan Kesultanan Melaka agar tidak bersatu dengan memburuk-burukkan seorang pemimpin Islam Melaka yang digelar Naodabegea. Naodabegea dituduh oleh João Viegas menjadi ketua penentang terhadap kedatangan Diego Lopez de Sequiera di Melaka dan turut dituduh untuk

merampas takhta kerajaan Melaka dari tangan Sultan Mahmud dengan menggulingkan (membunuh) baginda dari takhta kerajaan Melaka (Birch, 1774, hlm. 58 & 59),

João Viegas recounted to him how the King of Malacca had endeavoured to force them to become Moors, and had ordered some of them to be tied hand and foot and circumcised; and they had suffered many torments because they would not deny the faith of Jesus Christ ... he declared further that with the King of Pacé there was a principal Moor of Malacca whose name was Naodabegea, who had been the chief author of the treason which had been plotted against Diego Lopez de Sequiera; and this man had fled from Malacca because he and the Bendarā, whom the king killed, had laid a plan to kill the king and take possession of the kingdom.

Semasa Aires Pereira berjaya menghentikan kapal milik seorang Muslim Melaka, mereka mendakwa anak-anak kapal (orang Islam) yang berada di atas kapal tersebut mencederakan mereka. Hal ini dengan sengaja dibangkitkan oleh orang Portugis untuk menunjukkan sifat negatif terhadap orang Islam sedangkan secara jelas anak-anak kapal tersebut hanya cuba untuk mempertahankan diri mereka dari dizalimi oleh orang asing yang cuba merampas kapal milik tuan mereka. Sentimen agama secara jelas dapat dilihat menerusi perbuatan orang Portugis yang cuba menghalalkan setiap perbuatan mereka dengan menunjukkan sisi buruk orang Islam sedangkan mereka telah membunuh kesemua anak kapal yang cuba mempertahankan kapal tersebut dari diambil oleh orang Kristian. Perkara tersebut dapat dilihat menerusi buku tersebut (Birch, 1774, hlm. 61),

Aires Pereira got into his boat with some soldiers and set out in pursuit. And the Moors who were on board of the vessel defended themselves with so much spirit that they wounded Aires Pereira and a considerable number of his people without their being able to get in ... our people boarded the pangajaoa and put to death all the Moors who sought to make any defence, and took seven or eight prisoners, and gathered themselves together again in their boat, and there they found the Moorish captain half dead, without any blood flowing from the numerous wounds he had received.

Beberapa tawanan yang terdiri daripada orang Islam yang tidak memberikan kerjasama terhadap orang Portugis yang cuba mendapatkan maklumat berkaitan Kota Melaka telah dibunuh. Kemudian, penulis menonjolkan sifat mulia Afonso de Albuquerque yang terkesan dengan kematian semua orang Islam yang beliau berharap dapat memberi maklumat berkaitan kota tersebut. Selain itu, penulis telah memanipulasikan tujuan kedatangan Portugis ke Melaka. Menurut Haji Buyong (1973), King Manuel menghantar sebuah angkatan perang yang tidak beberapa besar yang diketuai oleh Diogo Mendez Vaconcelos atas tujuan menyerang Melaka, namun di dalam buku ini ditonjolkan tujuan kedatangan Afonso de Albuquerque ke Melaka atas dasar ingin mengadakan hubungan baik dengan Kerajaan Melaka, kemudian Afonso de Albuquerque menuduh orang-orang Islam yang terdiri dari pelbagai jenis bangsa di Melaka telah menghasut Sultan Melaka agar tidak mengadakan sebarang bentuk perjanjian damai dengan orang Kristian. Tetapi jika kita lihat dari pandangan logik, sudah tentu kedatangan orang Kristian ke Melaka adalah untuk berperang kerana Ruy de Araujo sendiri menasihati agar kedatangan Afonso ke Melaka perlu kepada kelengkapan pasukan perang dan kapal yang hebat. Tambahan pula Afonso de Albuquerque sendiri menerima nasihat yang diberikan oleh Ruy de Araujo (Birch, 1774, hlm. 62 & 69),

Afonso de Albuquerque was much moved at the death of the Moors from whom he had hoped to obtain information concerning the state of affairs at Malacca ...

Afonso de Albuquerque again listened to them with great patience, always hoping to avoid having recourse to war, and explaining to the king how his coming to Malacca was for the preservation of the port, and for the making of a treaty and ratifying friendship with him, and by no means for the purpose of destroying him.

Kebencian orang Portugis ke atas orang Islam sekali lagi dapat dikesan dengan jelas semasa Afonso de Albuquerque menyampaikan ucapan terhadap para kapten dan armada tentera Portugis yang ingin menyerang kota Melaka untuk kali yang kedua, terdapat beberapa orang kapten yang ingin berpaling tadah dari terus menyerang Melaka, disebabkan perkara tersebut, beliau telah membuat ucapan yang berbau benci kepada Islam.

Sirs, you will have no difficulty in remembering that when we decided upon attacking this city, it was with the determination of building a fortress within it, for so it appeared to all to be necessary, and after having captured it I was unwilling to let slip the possession of it, yet, because you all advised me to do so, I left it, and withdrew; but being ready, as you see, to put my hands upon it again once more, I learned that you had already changed your opinion.

Menurut ucapan Afonso de Albuquerque di atas, mereka semua telah sepakat untuk menyerang Kota Melaka dan membina sebuah forteza. Ucapan yang dilakukan oleh Afonso de Albuquerque adalah sejajar dengan ordinar yang dikeluarkan oleh King Manuel kepada Francisco de Almeida iaitu wizurai pertama India yang bertarikh 5 Mac 1505M (boleh lihat di Bab Pertama di halaman tiga dan empat). Namun disebabkan Almeida gagal melakukan sedemikian, King Manuel menyerahkan tugas tersebut kepada Afonso de Albuquerque. Perkara tersebut jelas menggambarkan sentimen agama Portugis dalam menakluk kota Melaka melalui isi kandungan ordinar tersebut (Birch, 1774, hlm. 115).

now this cannot be because the Moors have destroyed the best part of us, but on account of my sins, which merit the failure of accomplishing this undertaking in the way that I had desired. And, inasmuch as my will and determination is, as long as I am Governor of India, neither to fight nor to hazard men on land, except in those parts wherein I must build a fortress to maintain them, as I have already told you before this, I desire you earnestly, of your goodness, although you all have already agreed upon what is to be done, to freely give me again your opinions in writing as to what I ought to do; for inasmuch as I have to give an account of these matters and a justification of my proceedings to the King D. Manuel, our Lord, I am unwilling to be left alone to bear the blame of them; and although there be many reasons which I could allege in favour of our taking this city and building a fortress therein to maintain possession of it, two only will I mention to you, on this occasion, as tending to point out wherefore you ought not to turn back from what you have agreed upon.

Berdasarkan ucapan Afonso de Albuquerque di atas (Birch, 1774, hlm. 115 & 116), beliau menegaskan peperangan yang berlaku di antara orang Islam dan orang Portugis bukanlah atas dasar ingin membahayakan nyawa manusia, namun dibenarkan sekiranya perkara tersebut melibatkan dengan pembinaan kubu pertahanan. Perkara ini menunjukkan orang Portugis seolah-olah menghalalkan segala bentuk perbuatan mereka walaupun ia melibatkan nyawa untuk dikorbankan.

The first is the great service which we shall perform to Our Lord in casting the Moors out of this country, and quenching the fire of this sect of Mafamede so that it

may never burst out again hereafter; and I am so sanguine as to hope for this from our undertaking, that if we can only achieve the task before us, it will result in the Moors resigning India altogether to our rule, for the greater part of them-or perhaps all of them- live upon the trade of this country and are become great and rich, and lords of extensive treasures. It is, too, well worthy of belief that as the King of Malacca, who has already once been discomfited and had proof of our strength, with no hope of obtaining any succour from any other quarter-sixteen days having already elapsed since this took place-makes no endeavour to negotiate with us for the security of his estates

Seterusnya, berdasarkan ucapan di atas (Birch, 1774, hlm. 116 & 117), Afonso de Albuquerque memohon kepada para kapten agar memberikan kerjasama yang baik dan berganding bahu menghalau umat Islam keluar dari Melaka. Menurut beliau, ini merupakan salah satu cara untuk menghalang pengaruh ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dari terus tersebar. Beliau turut berharap kepada Tuhan dengan perbuatan yang dilakukan di Kota Melaka akan menyebabkan orang Islam di India turut terhapus. Afonso menganggap dengan menguasai Kota Melaka akan membantutkan kekuasaan orang Islam dan seterusnya menghapuskan ajaran Islam. Hal ini jelas menunjukkan sentimen agama di ketengahkan oleh Afonso de Albuquerque sendiri. Beliau dan orang Portugis yang lain sememangnya membenci kewujudan ajaran Islam di dunia ini.

Our Lord is blinding his judgment and hardening his heart, and desires the completion of this affair of Malacca: for when we were committing ourselves to the business of cruising in the Straits [of the Red Sea] where the King of Portugal had often ordered me to go (for it was there that His Highness considered we could cut down the commerce which the Moors of Cairo, of Mecca, and of Jeddah, carry on with these parts), Our Lord for his service thought right to lead us hither, for when Malacca is taken the places on the Straits must be shut up, and they will never more be able to introduce their spiceries into those places

Menurut ucapan Afonso de Albuquerque di atas (Birch, 1774, hlm. 117), Raja Portugal seringkali memerintahkan agar Afonso de Albuquerque menawan kota Melaka kerana ia merupakan nadi kepada pedagang Islam di Kaherah, Makkah dan Jeddah. Sekiranya penguasaan Islam di kota Melaka dapat dihapuskan, maka rempah-rempah tidak akan dapat didagangkan ke kawasan kerajaan Islam yang lain dan ini secara tidak langsung akan melemahkan kekuasaan kerajaan Islam. Ucapan ini menjadi bukti sentimen agama memang wujud dan mereka bertindak menggunakan alasan ekonomi untuk menyorok dari realiti.

And the other reason is the additional service which we shall render to the King D. Manuel in taking this city, because it is the headquarters of all the spiceries and drugs which the Moors carry every year hence to the Straits without our being able to prevent them from so doing; but if we deprive them of this their ancient market there, there does not remain for them a single port, nor a single situation, so commodious in the whole of these parts, where they can carry on their trade in these things. For after we were in possession of the pepper of Malabar, never more did any reach Cairo, except that which the Moors carried thither from these parts, and forty or fifty ships, which sail hence every year laden with all sorts of spiceries bound to Mecca, cannot be stopped without great expance and large fleets, which must necessarily cruise about continually in the offing of Cape Comorim; and the pepper of Malabar, of which they may hope to get some portion because they have the King of Calicut on their side, is in our hands, under the

eyes of Governor of India, from whom the Moors cannot carry off so much with the impunity as they hope to do; and I hold it as very certain that if we take this trade of Malacca away out their hands, Cairo and Mecca are entirely ruined, and to Venice will no spiceries be conveyed except that which her merchants go and buy in Portugal

Menurut ucapan Afonso de Albuquerque di atas (Birch, 1774, hlm. 117 & 118), Melaka merupakan pusat pengumpulan segala rempah dan ubat-ubatan. Kapal-kapal milik pedagang Islam akan berhenti di pelabuhan Melaka. Oleh itu, sekiranya mereka dapat menguasai pelabuhan tersebut, orang Portugis akan dapat menghalang orang Islam dari berdagang. Menurutnya lagi, penguasaan ke atas pelabuhan Malabar dan Melaka akan menyekat Kaherah dan Mekah dari menerima sebarang bentuk barang ekonomi dan ini akan membantutkan kerajaan Islam yang lain. Perkara tersebut turut menjadikan Portugal sebagai pusat monopoli perdagangan rempah yang terbaru, bukan lagi Venice.

Petikan di bawah menunjukkan rasa iri hati orang Portugis terhadap orang Islam yang berjaya membina satu tamadun yang maju iaitu Melaka. Mereka ingin menghapuskan segala bukti yang menunjukkan kehebatan orang Islam semasa mentadbir wilayah Melaka sehingga ke akar umbi. Sebagai contoh, Afonso de Albuquerque mengarahkan agar orang Islam mengumpulkan duit syiling yang digunakan sebagai sistem kewangan di Melaka dan diserahkan kepada orang Portugis. Tujuan pengumpulan duit syiling tersebut kerana mereka ingin menghapuskan bukti-bukti yang Melaka pernah mencapai kegemilangan serta diperintah oleh orang Islam. Sentimen agama terbukti dengan jelas melalui ayat yang ditulis di bawah (Birch, 1774, hlm. 138), *“in order to withdraw and suppress the coinage of the Moors, and cast their root and their name out of the land.”*

Selain itu, setelah orang Portugis berjaya menakluk kota Melaka, Afonso de Albuquerque mengarahkan agar sebuah kubu dibina sebagai tanda menghormati permintaan Raja Portugal iaitu King Manuel. Afonso de Albuquerque mengarahkan agar orang Jawa mencari penduduk Melaka yang melarikan diri ke dalam hutan untuk dibawa pulang ke kota Melaka. Mereka dikehendaki untuk menjadi hamba yang membina sebuah kubu (Birch, 1774, hlm. 135). Kubu tersebut dinamakan sebagai *“A Famosa”* atau *“The Famous”* (Birch, 1774, hlm. 136),

he therefore commanded the Javanese to band themselves together and scour the land, and bring back captive all the Malays found in the woods there, to work at the building of the fortress which he was anxious to begin with ... And they called the fortress “A Famosa”, i.e, “The Famous” ...

Sentimen agama kelihatan begitu jelas melalui bahan-bahan yang digunakan oleh mereka untuk membina kubu tersebut. Ruy de Araujo tidak menjangkakan orang Portugis dapat membina sebuah kubu kerana beliau menjangkakan bahan-bahan untuk membina sebuah kubu di Melaka tidak mencukupi. Mereka menggunakan bahan-bahan dari runtuhannya masjid untuk membina sebuah kubu. Bagi mereka, penemuan bahan-bahan seperti dari runtuhannya bangunan masjid ini adalah satu rahmat dan anugerah dari Tuhan mereka. Mereka turut menganggap Tuhan membuka jalan untuk mereka agar proses pembinaan sebuah kubu dapat dijalankan dengan baik. Perkara tersebut dapat dilihat melalui pernyataan di bawah (Birch, 1774, hlm. 135 & 136),

and although Ruy de Araujo never expected to be able to find sufficient stone to build the fortress, yet as it was the will of our Lord that the Portuguese should make good their settlement in that city, and that His name should there be worshipped, so great a quantity of stone and masonry was discovered in some

ancient sepulchres of bygone kings, which were situated on the land beneath the surface of the ground, and in the mosque that were throw down, that two fortresses might well have been constructed

KESIMPULAN

Buku '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*' yang ditulis oleh anak Afonso de Albuquerque iaitu Bras untuk dipersembahkan kepada cucu King Manuel I dan disusun semula oleh Walter de Gray Birch menjadi bukti bahawa sentimen agama yang dipersembahkan oleh orang Portugis sebagai misi mereka ke Timur adalah tepat. Perbuatan yang dilakukan oleh mereka ketika melakukan penaklukan suatu wilayah menjadi bukti sentimen agama merupakan misi utama mereka ke Timur. Perbuatan tersebut dapat dilihat menerusi penaklukan Goa (1510M) dan penaklukan Melaka (1511M). Semasa penaklukan Goa (1510M), mereka langsung tidak menunjukkan rasa belas kasihan terhadap orang Islam tidak kira wanita mahupun kanak-kanak, mereka mati dibunuh oleh orang Portugis di samping mendapat bantuan dari orang Hindu. Mereka turut merobohkan makam milik orang Islam demi menjayakan misi membina sebuah kubu pertahanan. Mereka percaya bumi Goa sepatutnya berada di bawah pemerintahan Raja Portugal (Kristian) bukan orang Islam. Sentimen agama yang ditonjolkan oleh orang Portugis sendiri semakin kuat sebelum dan semasa penaklukan mereka ke atas kota Melaka. Orang Portugis menghalalkan perbuatan merampas wilayah-wilayah milik orang Islam kerana di sisi agama Kristian perbuatan tersebut adalah baik. Ucapan dan pernyataan yang dilontarkan oleh Afonso de Albuquerque di atas jelas menunjukkan tujuan orang Kristian datang menjajah ke Timur adalah untuk menghalau orang Islam dari tanah air mereka sendiri. Mereka turut berniat untuk menghapuskan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dari terus tersebar dengan meluas. Salah satu cara untuk menjadikan impian mereka satu kenyataan adalah dengan menguasai bidang perdagangan. Pada ketika itu, Selat Melaka merupakan pusat kegiatan perdagangan utama, para pedagang Islam dari merata tempat akan datang ke Melaka untuk membawa pulang hasil dagangan seperti rempah dan ubat-ubatan ke wilayah mereka untuk diperdagangkan. Orang Kristian percaya sekiranya mereka berjaya menguasai Selat Melaka, pedagang Islam dari Kaherah, Mekah dan Jeddah akan terhalang daripada meneruskan kegiatan perdagangan lantas pengaruh Islam sepenuhnya akan dapat dihapuskan dan tiada lagi rempah yang akan diterima oleh orang Venice melainkan mereka harus pergi ke Portugal untuk mendapatkannya. Terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh diketengahkan daripada kajian ini antaranya mengkaji sentimen agama yang terdapat dalam buku '*The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*' dari jilid satu sehingga keempat dan mengkaji kesan penyebaran agama Kristian di Timur selepas kedatangan Portugis.

RUJUKAN

- Allen, R. 1968. *Malaysia: Prospect and Retrospect. The Impact and Aftermath of Colonial Rule*. New York: Oxford University Press.
- Attwater, D. 1965. *A Dictionary of Saints*. Middlesex: Penguin Books.
- Bastin, J. & Banda, H. J. 1977. *Sejarah Asia Tenggara Moden*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Birch, W. D. G. 1774. *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque Second Viceroy of India*. Jil. 3. London: The Hakluyt Society.
- Canadian Catholic Inquirer. 2002. Church of the week. Diperoleh pada 3 Ogos 2022 di <http://www.catholics.net/churches/melaka-stfrancisxavier/index.htm>

- Haji Buyong. 1973. *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, D. G. E. 1987. *Sejarah Asia Tenggara*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lee, F. G. 1963. *The Catholic Church in Malaya*. Singapore: Donald Moore For Eastern Universities Press Ltd.
- Lofti Ismail. 1983. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Muda @ Ismail Abd Rahman. 1998. *Gerakan Agama Kristian di Malaysia: Satu Tinjauan Khas di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Monograf Yayasan Islam Terengganu Siri 1*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Muzzi, G. A. 2011. *The Portuguese in Malay Land*. Portugal: Edições Vercial.
- Pannikar, K. M. 1959. *Asia and Western Dominance: A Survey of the Vasco da Gama Epoch of Asian History 1498-1945*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Silverberg, R. 1972. *The Realm of Prester John*. New York: Ohio University Press.
- Thomas, C. D. 1978. *Diaspora Indians: Church Growth Among Indians in West Malaysia*. Penang: Malaysian Indian Evangelism Council.
- Villiers, J. & Earle, T. F. 1995. *Albuquerque Caesar Timur: Teks-teks Pilihan oleh Afonso de Albuquerque dan Anaknya*. Terj. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Vlekke, B. H. M. 1967. *Nusantara a History of Indonesia*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Za'ba. 1961. *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu, North Bridge Road.